

26 JUL 2002

Mahathir-Pelancongan/I

BUAT SEGALA YANG BOLEH UNTUK GALAK PELANCONGAN, KATA DR MAHATHIR

GENTING HIGHLANDS, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan harapannya yang semua pihak dalam industri pelancongan akan membuat segala yang boleh untuk mempromosi negara bagi menarik lebih ramai pelancong walaupun terdapat percubaan oleh media asing untuk memberi gambaran negatif terhadap negara.

Beliau berkata Malaysia mahu lebih dikenali di seluruh dunia tetapi malangnya media asing hanya menampilkan gambaran negatif mengenainya.

Ini termasuk laporan-laporan yang menyatakan Dr Mahathir sebagai antara orang yang paling dibenci di negara ini.

"Saya tidak kisah jika saya dianggap sebagai orang yang paling dibenci di negara ini selagi wang mengalir masuk ke negara ini," kata beliau di perasmian First World Complex bernilai RM1.2 bilion yang dimajukan oleh Genting Group, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata kehadiran pelancong di negara ini akan membawa banyak manfaat termasuk peluang pekerjaan bagi warga tempatan.

Tahun lepas, kata beliau, Malaysia menerima sejumlah RM13 juta pelancong yang menyumbangkan RM36 bilion bagi ekonomi negara.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan prestasi lebih kurang sama pada tahun ini, beliau berkata sasaran itu kekal sama.

Dr Mahathir berkata antara Januari dan Februari tahun ini, industri pelancongan terjejas sedikit kerana insiden 11 Sept tetapi ia kini kembali seperti sedia kala.

"Adalah menjadi harapan kita yang pencapaian tahun ini tidak akan menyimpang jauh berbanding prestasi tahun lepas," kata beliau.

Perdana Menteri juga memuji pengerusi Genting Group, Tan Sri Lim Goh Tong yang berjaya menjadikan impiannya realiti yang sebaliknya pula telah banyak membantu mempromosi negara di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata rakyat Malaysia perlu berusaha untuk mewujudkan lebih banyak tempat tarikan pelancong seperti Genting Highlands Resort, A Famosa Resort di Melaka, Resort ala Perancis di Bukit Tinggi dan perkampungan Sepanyol, Greek dan Jepun.

Ditanya sama ada projek-projek itu munasabah memandangkan kelembapan ekonomi sekarang ini, beliau berkata hasil yang diperolehi menunjukkan prospeknya.

Banyak yang datang melawat dan ini banyak menyumbangkan ke arah pemulihan ekonomi negara, katanya.

Projek-projek seperti itu seharusnya dijalankan semasa kegawatan, kata beliau lagi.

"Jika kita tidak teruskan dengan projek Putrajaya, kebanyakan kontraktor sudah pasti bankrap."

Beliau juga menyatakan rasa kesalnya dengan media yang menghebohkan isu wabak meningitis.

Media sebaliknya perlu mempromosi negara dengan penulisan lebih baik terhadap tempat-tempat tarikan pelancong.

-- BERNAMA

MAM SM SD PR